



# 5 PETUA KEJAYAAN PENYIMPAN EMAS DI KAB GOLD

kemaskini Mei 2025

**1**

---

# **KENALI KAB GOLD, PRODUK DAN PERKHIDMATANNYA DAN TAHU BAGAIMANA CARA BERURUSNIAGA DENGAN KAB GOLD.**

## KENALI KAB GOLD

1/3

- KAB Gold ialah syarikat jual beli emas dan perak fizikal milik 100% bumiputera muslim. Ia diasaskan pada tahun 2017 dan mula bergerak secara aktif sejak 2021.
- Ia diasaskan bersama oleh Tan Sri Dr. Mohd Daud bin Bakar dan Mohamed Khairul Anuar bin Mohd Basri (KAB). Yang berbahagia Tan Sri bertindak sebagai Pengurus dan KAB bertindak sebagai Ketua Pegawai Eksekutif.
- Penasihat Syariah KAB Gold ialah Dr. Ahmad Sufyan bin Che Abdullah, Pensyarah Kanan di Universiti Malaya. Pengesah ketulenan emas KAB Gold pula ialah Encik Abdul Shukor bin Anuar dari KL Assay Sdn. Bhd.
- Ibu pejabat KAB Gold terletak di bangunan KL Traders Square, Jalan Gombak, Kuala Lumpur. Cawangan pertama terletak di Lunas, Kedah.
- Produk utama KAB Gold ialah gold bar, silver bar, dinar dan barang kemas.

## KENALI KAB GOLD

2/3

- Perkhidmatan yang disediakan ialah menjual dan membeli balik gold bar, silver bar, dinar dan barang kemas jenama KAB Gold dan jenama-jenama lain termasuklah khidmat tempahan, penghantaran, mencuci dan sebagainya.
- KAB Gold juga menawarkan kelas dan seminar berkaitan emas kepada pelanggan dan bakal pelanggan. Secara asasnya, semuanya adalah percuma kepada semua.
- Platform utama KAB Gold ialah laman web [www.kabgold.my](http://www.kabgold.my). Semua pelanggan, tidak kira di mana mereka berada boleh menggunakan laman web tersebut untuk berurusniaga dengan KAB Gold.
- Selain dari itu, maklumat-maklumat terkini termasuk pengumuman dan promosi boleh didapati di semua saluran media sosial milik KAB Gold seperti Facebook, Instagram, TikTok, YouTube dan sebagainya (<https://linktr.ee/KABGoldynamics>).
- Ibu pejabat dan cawangan-cawangan milik KAB Gold boleh dimanfaatkan untuk membeli dan menjual emas secara fizikal dan berhadapan.

## KENALI KAB GOLD

3/3

- Model perniagaan KAB Gold ialah rujukan/referral. Setiap pembeli emas di KAB Gold akan didaftarkan sebagai pelanggan yang memiliki kod KABnya sendiri. Dengan kod tersebut, para pelanggan juga boleh memperkenalkan pelanggan baharu yang lain kepada KAB Gold.
- Semua pelanggan diharapkan dapat memahirkan diri dengan segala saluran yang ada agar dapat melakukan sendiri sebarang urusniaga dengan KAB Gold tanpa perlu bergantung kepada orang lain.
- Jika terdapat sebarang masalah yang tidak dapat diselesaikan, rujuklah kepada introducer atau terus kepada Admin KAB Gold untuk dibantu.

**2**

## **JADILAH PEMBELI EMAS YANG KONSISTEN**

## KONSISTEN **BELI EMAS**

1/3

- Dengan emas, jangan ambil masa terlalu lama untuk bermula. Tidak ada apa yang nak dirisaukan kerana kita bukannya beli barang habis pakai buang. Kita cuma tukar duit kita ke dalam bentuk emas.
- Untuk berjaya sebagai penyimpan emas, terlebih dahulu kita mesti menjadi pembeli emas yang konsisten. Sedikit atau banyak bukan isu, tetapi mesti konsisten.
- Pengalaman membeli emas adalah ilmu yang berharga bagi semua yang bercadang untuk menyimpan emas. Membeli emas secara konsisten pula akan memberikan pengalaman yang berbeza berbanding dengan orang yang tidak pernah membeli emas atau membelinya sekali sahaja.
- Konsep membeli emas secara konsisten ini sama sahaja dengan konsep menyimpan duit secara konsisten. Tabiat konsisten adalah kunci kejayaan kepada kejayaan kepada apa saja perkara baik.
- Ramai orang membeli emas sekali sahaja dan mengharapkan emasnya bertambah. Ini konsep yang salah kerana emas tidak akan ‘beranak’ dengan sendiri melainkan belian tambahan mesti dibuat.

## KONSISTEN **BELI EMAS**

2/3

- Emas mungkin akan naik harganya. Walaupun ada kenaikan pada harga emas, nilainya tidaklah signifikan jika sekiranya kita membeli emas hanya sekali.
- Sebagai contoh, belian 1 gram sahaja dan tidak ditambah. Jika ada kenaikan sebanyak RM5, maka emas kita meningkat nilainya sebanyak RM5. Tetapi jika kita sentiasa menambah belian emas kita, kenaikan tersebut akan turut berganda sesuai dengan gram emas yang kita miliki.
- Pembelian yang konsisten dan berulang kali bukan sahaja akan menambah gram emas kita, tetapi ia juga akan mempelbagaikan harga belian. Ini kerana harga emas turun dan naik dalam jangka masa pendek.
- Jangan risau jika harga naik. Yang penting ialah gram kita bertambah. Jangan risau pula jika harga turun, kerana kos belian pada harga yang tinggi dapat direndahkan setiap kali kita membeli pada harga yang lebih rendah. Ia dikenali sebagai teknik pemutaran kos.
- Konsep belian terbaik dan berkesan ialah; paksa beli, lupakan dan tambah lagi belian. Ulang konsep ini secara konsisten.

## KONSISTEN **BELI EMAS**

3/3

- Rancanglah pembelian emas dengan baik. Sebagai contoh apabila setiap kali mendapat gaji. Peruntukkan siap-siap berapa persen daripada gaji untuk ditukar ke dalam bentuk emas. Lebih besar peruntukan, lebih baik.
- Sekali sekala apabila dapat duit yang tidak disangka-sangka (hadiah, elaun, bonus dll), jangan dipersiakan. Tambah belian emas peribadi anda.
- Emas menjadi harta apabila kewangan kita stabil. Namun ia akan menjadi duit jika kita menghadapi masalah kewangan.
- Orang yang ada duit belum tentu ada emas. Tapi orang yang ada emas, pasti ada duit.

**3**

# **MESTI RAJIN TAMBAH ILMU TENTANG EMAS**

## TAMBAH ILMU EMAS


1/2

- Orang yang beli emas sebab sentimen (harga naik, ramai orang beli emas, ikut-ikutan, kawan jadi ejen paksa beli dll) akan beli emas sekali sahaja. Orang yang beli emas dengan ilmu, dia akan beli berkali-kali.
- Ilmu akan menjadikan seseorang pembeli emas itu tenang. Harga emas naik dia gembira, harga emas turun dia lagi gembira.
- Ada banyak cara untuk mendapatkan ilmu tentang emas. Boleh hadir seminar emas, baca buku tentang emas, tengok rakaman video hal-hal berkaitan dengan emas dan bermuamalah sendiri menggunakan emas.
- Pengalaman diri sendiri apabila memanfaatkan emas dalam kehidupan adalah ilmu yang sangat bernilai. Sebagai contoh, seorang pemilik emas boleh menggadaikan emas di pusat Arrahnu apabila memerlukan duit. Ia bukan sahaja menyerlahkan manfaat menyimpan emas tetapi juga memberikan pengetahuan tentang proses gadaian dari awal sehingga akhir.
- Jangan berkira untuk mencari dan menambah ilmu. Pelaburan terbaik sebenarnya ialah pelaburan dalam ilmu pengetahuan.

## TAMBAH ILMU EMAS

2/2

- Ramai orang yang kedekut untuk berbelanja sedikit untuk ilmu tetapi akhirnya mengalami kerugian yang sangat besar. Oleh itu, sentiasalah mempunyai attitude yang suka menuntut ilmu.
- Di KAB Gold, ilmu menjadi salah satu daripada keutamaan. Kelas-kelas secara fizikal dan atas talian diadakan secara percuma sahaja.
- KAB Gold juga menggalakkan para pelanggan terutamanya wakil jualan untuk menghasilkan buku, e-book dan artikel ilmiah untuk manfaat lebih ramai manusia. Ia saham akhirat yang tidak ternilai pahalanya.



**4**

---

## **JANGAN KEDEKUT UNTUK KONGSI ILMU DAN PENGALAMAN MENYIMPAN EMAS DENGAN ORANG LAIN**

## KONGSI ILMU & PENGALAMAN

1/2

- Apabila kita sudah mula menyimpan emas, kongsikan kelebihan dan keistimewaan simpanan emas yang kita rasa kepada orang lain. Alangkah baiknya jika keseronokan tersebut dalam dirasai bersama oleh seramai mungkin manusia.
- Jika kita ada ilmu-ilmu baharu yang kita dapat sama ada melalui pengalaman sendiri, buku-buku yang kita baca, video-video yang kita tonton, fakta-fakta yang kita temui, kongsikan juga dengan orang lain. Ilmu yang bermanfaat sangat baik untuk disebarluaskan.
- Jangan sesekali menyebarkan ilmu karut tanpa disahkan terlebih dahulu kesahihannya. Ini akan mengakibatkan mudarat yang sangat besar jika ilmu yang salah diamalkan pula oleh orang lain tanpa usul periksa.
- Gunakan apa saja kelebihan yang kita ada untuk menyebarkan ilmu dan pengalaman menyimpan emas.

## KONGSI ILMU & PENGALAMAN

2/2

- Bagi yang mahir menulis, tulislah sesuatu. Bagi yang mahir bercakap, bercakaplah sama ada di majlis fizikal atau secara atas talian. Bagi yang mahir menghasilkan video-video menarik, hasilkan sebanyak mungkin video sebegini untuk menyebarkan ilmu dan manfaat menyimpan emas.
- Media sosial wajib dimanfaatkan dengan sebaik mungkin untuk menyebarkan manfaat dan kelebihan simpanan emas. Ia salah satu cabang konten yang baik dan berguna.
- Manfaatkan penggunaan aplikasi kecerdasan buatan/artificial intelligent (AI) untuk menghasilkan hantaran-hantaran yang bermutu tinggi di media sosial.
- Bagi yang tidak mahir serba-serbi (menulis, bercakap, menghasilkan video), bolehlah dipanjangkan apa saja yang ada hasil daripada penulisan, percakapan dan video orang lain. Jangan lupa untuk bagi kredit kepada pemilik asal.



**KONFERENSI EMAS**  
**KAB GOLD 2025**

**5**

**BINA EMPAYAR EMAS**  
**KAB GOLD**

## BINA EMPAYAR EMAS

1/2

- Uniknya perniagaan KAB Gold ialah setiap orang akan memiliki kod KABnya sendiri sebagai pelanggan berdaftar di KAB Gold.
- Setiap pelanggan berdaftar pula boleh menjadi introducer kepada pelanggan-pelanggan baharu.
- Introducer yang berstatus Executive Partner akan menikmati insentif belian setiap kali pelanggan yang diperkenalkan itu membuat belian emas. Belian sendirinya juga akan turut menerima insentif.
- Introducer yang bukan berstatus Executive Partner boleh membina empayar emasnya tetapi tidak akan menerima sebarang insentif sehinggalah statusnya dinaiktaraf sebagai Executive Partner.
- Manfaatnya ialah secara jangka panjang. Empayar dibina terlebih dahulu. Apabila tiba masanya untuk menjadi Executive Partner, pelanggan tersebut tidak perlu lagi membuang masa bermula dari kosong.
- Introducer tidak boleh ditukar kecuali jika ada permintaan oleh ahli empayar akibat kita tidak aktif menjadi penyimpan atau tidak membantu atau membimbing ahli empayar.

## BINA EMPAYAR EMAS

2/2

- Introducer yang bertaraf Executive Partner mesti memiliki rasa tanggungjawab untuk membimbing setiap pelanggan yang diperkenalkan kepada KAB Gold kerana KAB Gold akan membayarnya insentif atas belian pelanggan tersebut.
- Cara paling mudah untuk mendaftarkan pelanggan baharu ialah dengan berkongsi link rujukan (referral link) kepada sesiapa sahaja. Orang yang berdaftar dengan KAB Gold melalui link tersebut akan menjadi pelanggannya.
- Dapatkan link rujukan (referral link) tersebut dengan login ke akaun KAB Gold kemudian klik pada butang 'Copy Referral Link' di dashboard akaun masing-masing dan sebarkan link tersebut kepada prospek atau pelanggan baru yang berminat.